

# MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN KURSUS PENYELIA KANAN (KPK) SIRI 226/18

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3986-majlis-perasmian-pembukaan-kursus-penyelia-kanan-kpk-siri-226-18](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3986-majlis-perasmian-pembukaan-kursus-penyelia-kanan-kpk-siri-226-18)

SUBANG, 9 Okt 18 - Majlis Pembukaan Kursus Penyelia Kanan (KPK) Siri 226/18 telah disempurnakan Pegawai Memerintah INSTAR, Lt Kol Harisson bin Harun TUDM. Majlis turut dihadiri oleh pegawai dan jurulatih INSTAR di Dewan Pahlawan Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR).

Seramai 120 orang pelatih daripada pelbagai ketukangan telah hadir bagi mengikuti kursus ini yang bertujuan untuk melahirkan seorang PTTK yang berilmu, berupaya menjalankan tugas dengan lebih cekap dan efisyen sesuai dengan tanggungjawab yang diamanahkan. Kursus Penyelia Kanan Siri 226/18 bermula pada 8 Okt 18 dan dijadualkan tamat pada 2 Nov 18.

